

DBKL diminta kaji semula pembekuan lesen kepada peniaga

Kuala Lumpur: Persatuan Peniaga dan Penjaja Bumi-putera Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (PP-PBWPKL) meminta Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mengkaji semula pembekuan lesen kepada peniaga terutama penjaja di sekitar ibu kota.

Presidennya Datuk Seri Rosli Sulaiman berkata, ini kerana pihaknya menerima banyak aduan daripada peniaga yang mendakwa tidak mendapat lesen untuk meneruskan perniagaan terutama di bulan Ramadan ini.

“Ada peniaga yang datang mengadu kepada saya beritahu mahu terus berniaga walaupun tidak mendapat lesen malah akur jika disaman atau dikompaun oleh pihak berkuasa tempatan (PBT).

“Ini kerana itu mata pencaharian untuk menyara

keluarga. Bagaimanapun saya nasihatkan mereka patuh kepada peraturan ditetapkan.

“Jika lesen perniagaan statik dibekukan kerana isu kebersihan, menghalang laluan dan sebagainya, perlu ada langkah peralihan kepada lesen lain seperti *food truck* supaya mereka dapat teruskan perniagaan seperti biasa.

“Saya berpandangan lebih baik mencari kaedah penyelesaian terbaik, berbanding mengambil tindakan terburu-buru seperti kita,” katanya ketika dihubungi Harian Metro, semalam.

Beliau berkata demikian mengulas mengenai insiden provokasi dan mendatangkan kecederaan ke atas anggota penguatkuasa DBKL oleh penjaja tidak berlesen di Jalan Tuanku Abdul Rahman di sini, Rabu lalu.